Panasonic

No. Model
Model No. MC-KC1W



Buku Panduan

Pembersih Vakum Boleh Dicas Semula

(Kegunaan rumah)

Operating Instructions

Rechargeable Vacuum Cleaner

(Household use)

Buku Panduan
Operation Instruction

Sila imbas kod QR untuk membaca buku panduan.
Please scan the QR code to read the operation instruction.

https://p-cube.panasonic.com/malaysia/s/global-search/AVA01Z02ZV00

Pendaftaran Waranti
Warranty registration

Waranti boleh didaftarkan secara dalam talian.
Sila lawati laman web dengan mengimbas kod QR.

The warranty can be registered online.
Please visit the website by scanning the QR code.

https://p-cube.panasonic.com/malaysia/s/login/

Bahasa Melayu. . . . . BM
ENGLISH . . . . . EN

Panasonic

Buku Panduan

Pembersih Vakum Boleh Dicas Semula (Kegunaan Rumah)

No. Model MC-KC1W



Sekiranya kord kuasa produk mengalami kerosakan, sila minta bantuan profesional daripada kilang dan ejen servis.

Terima kasih kerana membeli produk Panasonic.

- Semua ilustrasi yang digunakan ialah untuk tujuan penerangan, item/produk sebenar mungkin berbeza sedikit daripada yang ditunjukkan.
- Sila baca buku panduan dengan teliti sebelum mengecas dan menggunakan perkakas bagi memastikan operasi yang selamat dan betul.
- Sebelum penggunaan, sila pastikan anda membaca **"Langkah Keselamatan" (Halaman ML2 - ML3)**.
- Simpan buku panduan untuk kegunaan masa masa hadapan.

Simpannya untuk digunakan nanti

Dilampirkan bersama kad pendaftaran waranti produk

Kandungan Halaman

Langkah Keselamatan..... ML2

Catatan tentang Penggunaan ML4

Pengenalan Barangan..... ML5

Mengecas ML6

Penggunaan ML7

Penyelenggaraan ML11

Penyelesaian Masalah ... ML15

Pelupusan produk..... ML17

Spesifikasi ML18

Langkah Keselamatan

Sila pastikan anda mengikuti arahan ini

Bagi mengelakkan kemalangan atau kecederaan kepada pengguna, individu lain dan kerosakan kepada harta benda, sila ikuti arahan di bawah.

■ **Carta berikut menunjukkan tahap kerosakan yang disebabkan oleh operasi yang salah.**

⚠BAHAYA
Menunjukkan keadaan berpotensi berbahaya yang, jika tidak dielakkan, boleh mengakibatkan kematian atau kecederaan serius.

⚠AMARAN
Menunjukkan keadaan berpotensi berbahaya yang, jika tidak dielakkan, boleh mengakibatkan kematian atau kecederaan serius.

⚠AWAS
Menunjukkan keadaan berpotensi berbahaya yang, jika tidak dielakkan, boleh mengakibatkan kecederaan kecil atau sederhana.

■ **Simbolnya diklasifikasi dan dijelaskan seperti berikut.**

Simbol ini menunjukkan larangan.

Simbol ini menunjukkan keperluan yang mesti diikuti.

⚠BAHAYA

Untuk mengelakkan api, terbakar, kejutan elektrik dan sebagainya

Bateri boleh dicas semula

Jangan salahguna (Ini boleh mengakibatkan pemanasan lampau, penyalaan atau pecah)

- Produk ini dilengkapi dengan bateri cas semula yang khas, jangan gunakannya untuk produk lain atau gunakan yang bateri bukan asli
- Jangan melupuskan bateri dalam api atau dedahkannya kepada haba
- Jangan mencucuk dengan kuku, mengenakan impak kuat, menceraikan, membaiki atau mengubah suai
- Jangan mengakibatkan litar pintas dengan membenarkan logam atau bahan lain bersentuhan dengan terminal soket
- Jangan cas, guna atau letakkan di tempat yang bersuhu tinggi, termasuk berdekatan dengan api atau dalam cuaca yang panas

Sila gunakan clean dock yang khusus untuk mengecas bateri

(Untuk mengelakkan pemanasan lampau, kebakaran, kejutan elektrik dan sebagainya)

→**Hanya gunakan stesen pembersihan (Model No. AVA79V-2ZV) untuk mengecas semula bateri**

JIKA anda perlu menggantikan bateri, ia mesti dilakukan mesti dilakukan oleh individu yang mahir

→**Sila rujuk kepada penjual asal.**

⚠AMARAN

Untuk mengelakkan kecederaan dan sebagainya

Unit utama • Aksesori

Jangan biarkan unit menyedut objek terbakar atau mudah terbakar

(Bagi mengelakkan mengelakkan letupan atau kebakaran)

Rokok, toner dari mesin fotokopi, bahan api pemanasan, bahan pencair dan sebagainya.

Jangan gunakan jika palam atau kord kuasa rosak

(Ini boleh mengakibatkan kebakaran kerana pemanasan lampau dan penyalaan)

Tolong jangan sentuh berus

(Untuk mengelakkan penjepitan jari yang boleh menyebabkan kecederaan, atau disebabkan oleh peningkatan suhu yang disebabkan oleh fungsi perlindungan, yang boleh menyebabkan luka terbakar.)

Berus



Jangan gunakan dengan kasar

- Jangan basuh dengan air
  (Kecuali untuk bahagian dan aksesori yang boleh dibasuh dengan air)
- Jangan pasang atau cabut palam kuasa dengan tangan yang basah
  (Boleh mengakibatkan kejutan elektrik)
- Jangan gunakan di persekitaran atau tempat yang basah, seperti di dalam tandas dan bilik mandi
- Jangan rosakkan kord kuasa atau palam. Jangan memaksa mesin, melentur, memutarkan, meregang atau meletakkan pembersih pada suhu tinggi atau meletakkan objek berat di bahagian atas atau membungkusnya
  (Ini boleh mengakibatkan kejutan elektrik, litar pintas atau kebakaran)
  →Rujuk tempat pembelian untuk maklumat mengenai pembaikan.
- Produk ini dilengkapi dengan clean dock yang khusus; tolong jangan gunakan untuk mengecas produk lain.

Langkah Keselamatan

Sila pastikan anda mengikuti arahan ini

⚠AMARAN

Untuk mengelakkan api, terbakar, kejutan elektrik dan sebagainya

Unit utama • Aksesori

Gunakan palam kuasa dengan betul

- Palam kuasa hanya sesuai untuk kegunaan dalaman atau untuk melindungi daripada hujan
  (Tidak berbuat demikian boleh mengakibatkan kejutan elektrik, penyalaan)
- Palam kuasa hanya terhad untuk mengecas produk ini
  (Tidak berbuat demikian boleh mengakibatkan kejutan elektrik, penyalaan, pemanasan lampau atau kebocoran)
- Masukkan sepenuhnya ke dalam soket
  (Terdapat bahaya kejutan elektrik atau kebakaran yang disebabkan oleh pemanasan lampau jika anda memasukkan palam ke dalam soket yang longgar atau atau tidak memasukkan palam ke dalam soket)
- Mesti berada dalam nilai berkadar soket dan perkakas pendawaian dan sebagainya, serta mesti menggunakan AC 240 V
  (Pemanasan lampau boleh mengakibatkan kebakaran jika sistem melebihi pengkadaran yang disarankan dengan menyambungkan terlalu banyak peranti kepada soket yang sama.)
- Palam mesti ditanggalkan dari salur keluar soket sebelum menyelenggara perkakas(Bahaya kejutan elektrik)
- Palam mesti ditanggalkan dari salur keluar soket apabila unit tidak digunakan untuk jangka masa yang panjang
  (Untuk mengelakkan kejutan elektrik, kebocoran elektrik, kebakaran dan sebagainya disebabkan oleh kerosakan penebat)
- Gunakan kain kering untuk membuang habuk dari palam kuasa, palam dan sebagainya dengan kerap. (H. ML5)
  (Habuk yang terkumpul boleh menyebabkan penebat menjadi tidak sempurna berpunca daripada kelembapan, yang boleh mengakibatkan kebakaran)
- **Peralatan ini tidak direka untuk digunakan oleh individu (termasuk kanak-kanak) yang mempunyai kecacatan anggota, deria atau kebolehan mental yang terhad, atau kurang pengalaman dan pengetahuan, melainkan mereka telah diberikan pemerhatian atau panduan mengenai penggunaan peralatan ini oleh individu yang bertanggungjawab mengenai keselamatan mereka**

Kanak-kanak perlu dipantau bagi memastikan yang mereka tidak bermain dengan perkakas itu

(Perkara tersebut boleh mengakibatkan kebakaran, kejutan elektrik atau kecederaan)

Apabila ralat berlaku, berhenti menggunakan perkakas dengan segera. Matikan unit (semasa menggunakan) dan cabut palam kuasa (semasa mengecas)

(Bahaya asap, penyalaan dan kejutan elektrik)
misalnya, keabnormalan atau rosak: tidak boleh beroperasi, bunyi tidak normal, haba tidak normal, bau terbakar
→Minta penyelenggaraan dan pembaikan di tempat pembelian dilakukan dengan segera

⚠AWAS

Untuk mengelakkan penyalaan, kecederaan dan sebagainya

Bateri • Unit utama • Aksesori

Jangan salahguna

- Muncung lantai tidak boleh ditarik terlalu jauh secara mendatar
  (Ini boleh mengakibatkan permukaan lantai bercalar)
- Jangan gunakannya apabila bahagian di bawah muncung lantai sudah tidak boleh digunakan lagi
  (Ini boleh mengakibatkan permukaan lantai bercalar)
  →Periksa unit sebelum digunakan dan jika ada bahagian yang rosak, sila rujuk kepada tempat pembelian
- Jangan letak logam dalam bahagian yang bersentuh terminal (H. ML13)
  (Bahaya kejutan elektrik)
- Jangan tarik kord kuasa semasa mencabut palam dari salur keluar soket
  (Ini boleh mengakibatkan kejutan elektrik atau kebakaran yang disebabkan oleh litar pintas)
- Jangan buang sampah ke dalam clean dock (Untuk mengelakkan kerosakan clean dock)

Jangan mendekati sumber api atau sumber haba dan elakkan cahaya matahari secara langsung

(Ini boleh mengakibatkan kebakaran atau perubahan bentuk)

Jangan pijak, duduk, atau letak objek berat di atas clean dock

(Untuk mengelakkan kerosakan kepada clean dock atau tercedera)

Sila simpan pembersih vakum (bateri) di tempat yang bersih dan kering

(untuk mengelakkan bateri daripada kelembapan yang akan menyebabkan pemanasan berlebihan, penyalakan, atau kejutan elektrik)

Catatan tentang Penggunaan

Untuk memperpanjang jangka hayat perkhidmatan

Pembersih vakum ialah perkakas isi rumah dan tidak boleh digunakan bagi tujuan komersial atau perindustrian serta tujuan lain selain pembersihan vakum.

■ Jangan biarkan unit menyedut objek berikut (Ini boleh mengakibatkan malfungsi dan berbau)
- Jumlah serbuk yang sangat banyak (Sisa pembinaan atau serbuk pemadam api)
- Bahan buangan haiwan peliharaan atau apa-apa sisa buangan lain yang berkaitan
- Kaca, pin, jarum, pencungkil gigi
- Serbuk penyahlembapan
- Air dan cecair lain
- Barangan lembap dan basah
- Bahagian tepi permaidani
- Tali yang panjang
- Objek yang mudah menyumbatkan salur masuk sedutan (Stokin dan sebagainya)

■ Jangan cuba bersihkan di tempat dengan jumlah pasir, bahan buangan haiwan peliharaan atau batu kerikil (Ini boleh mengakibatkan malfungsi)

■ Jangan terus menyedut dengan port hadapan unit utama (Untuk tidak memakai port hadapan)
→Sila gunakan dengan muncung/nosel

■ Jangan sekat lubang ekzos (Ini boleh mengakibatkan perubahan bentuk yang disebabkan pemanasan lampau)

■ Jangan beroperasi terlalu lama jika salur masuk sedutan tersekat (Untuk mengelakkan perubahan bentuk yang disebabkan pemanasan lampau)

■ Jangan bermain sewenang-wenangnya dengan terminal pengecas (Untuk mengelakkan sambungan yang tidak betul)

■ Jangan gunakan pembersih vakum dalam persekitaran yang terlalu panas atau sejuk (kerana bateri yang boleh dicas semula di dalamnya tidak dapat berfungsi dengan betul)
→Disarankan menggunakan pembersih vakum dalam persekitaran bersuhu 0 °C ~ 40 °C (sila caskan dalam 5 °C ~ 35 °C)

Untuk mengelakkan pemanasan lampau motor (Fungsi perlindungan)

Jika pembersih vakum terus berfungsi di bawah keadaan berikut, fungsi perlindungan akan diaktifkan, badan muncung sedutan akan berhenti secara automatik untuk mengelakkan motor daripada pemanasan lampau dan kerosakan. (H. ML14)

Unit utama

- Apabila bekas habuk penuh dengan sampah
- Apabila penutup penapis dan penapis berbentuk kon tersumbat
- Apabila nosel dan saluran penyedut tersumbat
- Apabila objek asing terbelit di sekitar berus berputar

Clean dock

Jika clean dock menyelesaikan 3 kutipan sampah dalam masa tiga minit, maka clean dock akan berhenti berfungsi untuk mengelakkan daripada pemanasan lampau dan kerosakan kepada motor.

Pengenalan Barangan



Mengecas

Bateri tidak dicas sepenuhnya pada masa pembelian, oleh itu sila pastikan untuk mengecasnya sebelum digunakan

Untuk membantu menjadikan bateri tahan lebih lama

- Jika pembersih vakum tidak digunakan untuk lebih daripada 1 bulan, cas kan penuh. Cabut palam kuasa dan simpan. Caskan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan.
- Untuk mengelakkan daripada menjejaskan jangka hayat bateri, apabila pembersih vakum berhenti secara automatik disebabkan kuasa bateri habis semasa penggunaan, jangan cuba memulakannya semula atau tinggalkannya sendiri bagi mengelakkan daripada penyahcasan berlebihan.
  →Pastikan mengecasnya selepas digunakan.
- Cas semula di dalam bilik yang mempunyai suhu sekitar 5 °C dan 35 °C. (Untuk mengecas dengan betul, elakkan masa penggunaan menjadi lebih pendek atau masa mengecas menjadi lebih lama. Unit tidak dapat mengecas dengan betul jika bilik terlalu sejuk, atau terlalu panas seperti semasa bilik menerima sinar matahari secara langsung.)

■ Sila letakkan pembersih vakum dengan perlahan di clean dock untuk pengecasan.

❶ Palam kuasa dipasang dengan kukuh ke dalam soket



❷ Seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah, letakkan kembali unit utama ke clean dock





- Apabila diletakkan dengan betul, penunjuk pengecasan menyala dengan warna biru dan clean dock mula mengutip sampah (berhenti selepas 3 pengitaran semula).

■ Penunjuk pengecasan

Menyala (biru)

Mengecas

Suhu bateri berubah, bergantung pada keadaan perkhidmatan seperti suhu ambien dan masa perkhidmatan. Apabila suhu bateri terlalu tinggi, ia akan menunggu secara automatik sehingga suhunya sesuai untuk mengecas dan kemudian dicas semula, oleh itu masa pengecasan akan menjadi lebih lama. (sehingga kira-kira 6 jam)

PADAM

Selesai mengecas

Selepas pengecasan selesai, lampu padam.

- Berkelip cepat (pada selaan masa kira-kira 0.15 saat) menunjukkan keabnormalan. Untuk maklumat terperinci, sila rujuk kepada “Penyelesaian Masalah” (H. ML15)

Catatan

- Apabila pembersih vakum yang sedang berjalan diletakkan kembali ke clean dock, unit utama akan berhenti berjalan dan memasuki mod pengecasan, serta clean dock akan mula mengutip sampah.
- Pembersih vakum tidak berfungsi semasa ia dalam keadaan pengecasan.
- Suhu unit utama dan kord kuasa akan meningkat semasa pengecasan dan ini ialah suatu fenomena biasa.

Permintaan

- Apabila digunakan untuk kali pertama selepas pembelian atau Dibiarkan tidak aktif selama lebih dari 6 bulan, bateri mungkin berkurangan dalam kapasitinya disebabkan penyahcasan berlebihan.
  →Pastikan mengecasnya semula sebelum menggunakannya lagi
- Jika pembersih vakum tidak digunakan dalam tempoh masa yang lama, cabut palam kuasa dan simpan di tempat yang sesuai.
- Untuk mengelakkan gangguan dengan set TV, telefon dan sebagainya (seperti bunyi bising), sila jauhkan lebih daripada 1 m dari perkakas ini semasa mengecas.
- Selepas palam kuasa dipasang, 1 W digunakan walaupun pembersih vakum tidak dicaskan.
  →Apabila pembersih vakum tidak digunakan untuk tempoh masa yang lama, cabut palam kuasa untuk menjimatkan kuasa

Penggunaan

Unit utama

1 Mula

Tekan ⏻ untuk

memulakan pembersihan.
(Masukkan mod tahan lama secara lalai)

Apabila menukar mod

- Setiap kali mengklik ⏬,

mod bertukar dalam urutan berikut
Tahan lama → AUTO → Kuat

2 Tamat

3 Selepas pembersihan

Letakkan kembali unit utama ke clean dock. (H. ML6)

- Apabila unit utama diletakkan kembali ke clean dock, penunjuk pengecasan menyala dengan warna biru dan clean dock akan mengutip sampah secara automatik (berhenti selepas 3 pengitaran semula).

⚠AMARAN

- Jangan tanggalkan unit utama secara paksa apabila clean dock sedang mengitar semula, untuk mengelakkan kerosakan unit utama dan clean dock.

[Hidupkan/Matikan]/ Penukaran mod

- Setiap kali mengklik ⏻, mod bertukar dalam urutan berikut
  AUTO → Kuat → Matikan
  (Mod AUTO boleh melaraskan kuasa sedutan secara automatik berdasarkan jumlah sampah yang disedut)

Penunjuk pengecasan (H. ML6)

Lampu penderia habuk

Paparan visual bagi sampah yang tidak mudah dilihat dengan mata kasar (keratin, debunga, hama, dan lain-lain).

Padam	Menyala	Berkelip	Berkelip dengan cepat
Bersih			Banyak habuk

Petua

- Apabila menyedut rambut, bulu haiwan peliharaan dan partikel sampah yang besar, mungkin terdapat sedikit sisa di port pengitaran semula sampah di bahagian belakang unit utama, lakukan penyelenggaraan jika perlu.



- Clean dock mungkin tidak dapat mengutip sampah jika bekas habuk terlalu penuh.
- Apabila partikel sampah yang besar disedut, sesetengah sampah mungkin kekal selepas clean dock dikitar semula.

Penggunaan

Clean dock

■ Jika beg habuk penuh dan penggantian diperlukan, atau jika beg habuk tidak berisi, atau jika beg habuk tidak diletakkan ...

Menyala (merah)

■ Apabila clean dock menjadi tidak normal ...

Berkelip (merah)

● Sila rujuk kepada “Penyelesaian Masalah” (H. ML16)



Jika perlu menggantikan beg habuk...

❶ Buka penutup clean dock.

Penutup clean dock



❷ Keluarkan beg habuk dari clean dock dan buang.



❸ Masukkan beg habuk baharu ke dalam slot pemasangan.

❹ Pasang penutup clean dock kembali dan pembersih vakum sedia untuk digunakan.

Permintaan

- Sila masukkan beg habuk dengan betul untuk mengelak daripada menjejaskan kesan pengutipan sampah.
- Beg habuk ialah produk guna habis, untuk memastikan kesan pembersihan berkualiti tinggi, beg ini perlu digantikan mengikut jenis sampah yang disedut dan kekerapan penggunaan.
- Untuk membeli beg habuk, sila hubungi penjual asal anda.

Nama	Aksesori untuk beg habuk
No. Model	AMC-ZDKC3G

Penggunaan

Pilih muncung/nosel berdasarkan penggunaan yang berbeza

Lantai, permaidani dan sebagainya

Muncung lantai



Tujahan berbeza bergantung pada jenis bahan permaidani diperbuat. Jika tujahan terlalu tinggi, sila tukar kepada mod tahan lama atau AUTO.

Bahagian dalaman kereta, sofa dan sebagainya

Muncung 2-arah teleskopik



Cadar dan sebagainya.

Muncung pembuangan hama elektrik

Semasa membersihkan cadar dan tilam, luncurkan muncung ke hadapan dan ke belakang dengan perlahan.
Jika terdapat banyak rintangan atau penyedutan kain cadar, atau jika muncung/nosel sukar meluncur, tukar kepada mod tahan lama.



Ambang tingkap, alur dan celah di pintu gelangsar dan sebagainya, meja, rak kabinet

Muncung 2-arah teleskopik

Penggunaan

■ Gunakan muncung yang betul mengikut senario.



■ Bagaimanakah hendak menggunakan muncung 2-arah teleskopik?

Kaedah tarik keluar

• Tarik muncung ke arah anak panah sehingga berbunyi klik



Kaedah memasukkan semula

• Tekan butang ke bawah semasa memasukkan semula



Penyelenggaraan

■ Matikan pembersih vakum dan tanggalkan palam kuasa sebelum membersihkan sampah atau semasa penyelenggaraan.

Catatan

- Kemungkinan disebabkan sampah tidak terkumpul sama rata di dalam bekas habuk, sila sahkan pengumpulan sampah secara langsung.
- Tong sampah/bekas sampah atau beg habuk boleh menjadi penuh lebih awal semasa menyedut permaidani baharu kerana ada benang yang masih longgar. (Mengurangkan penyedutan timbunan permaidani secara perlahan-lahan apabila kekerapan memvakum meningkat)



Permintaan (Untuk bahagian yang boleh dibasuh sahaja)

- Tolong jangan gunakan bahan seperti bahan cuci, peluntur, gasolin, pencair, atau alkohol. (Untuk mengelakkan retakan dan perubahan warna)
- Sila keringkan bekas habuk sepenuhnya selama kira-kira 24 jam sebaik sahaja selepas kerja mencuci. (Untuk mengelakkan bau atau tersumbat)
- Tolong jangan gunakan alat pengering hembusan atau alat yang serupa untuk mengeringkannya (Untuk mengelakkan malfungsi)
- Jika bahagian tidak kering diletakkan kembali ke unit utama, ini boleh mengakibatkan kerosakan.

Bekas habuk

Mengeluarkan Bekas habuk

❶ Seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah, tekan dan tahan butang pelepas seperti yang ditunjukkan oleh anak panah dan buka ke luar untuk mengeluarkan bekas habuk.



❷ Tarik ke atas dan keluarkan penapis.



Penyelenggaraan

Bekas habuk

Membersihkan sampah

❶ Tanggalkan penapis seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah.



❷ Buang sampah itu.



❸ Buang serpihan yang melekat di permukaan.



Penyelenggaraan terperinci



- **Selepas mencuci, sila keringkan sepenuhnya sebelum meletakkan kembali seperti sedia ada**

Pasang semula seperti sedia ada

❶ Pasangkan penapis seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah.



❷ Seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah, letakkan kembali unit utama mengikut urutan ① dan ②.



Penyelenggaraan

■ Matikan pembersih vakum dan tanggalkan palam kuasa sebelum penyelenggaraan.

Unit utama, Clean dock

● Lap permukaan dengan kain yang diperah, lembut dan lembap, serta buang apa-apa sisa serpihan dari ◌.







● **Cuci span penapis jika perlu, sila keringkan sepenuhnya sebelum meletakkan kembali seperti sedia ada**

Terminal

● Buang sampah dari terminal dengan menggunakan kain kering.



Terminal muncung lantai



Terminal muncung pembuangan hama elektrik



Palam pengecasan

Penderia

■ Jika lampu penderia habuk tidak normal (H. ML15), sampah atau habuk boleh melekat kepada bahagian sensor (2 tempat) di dalam badan. Sila lakukan penyelenggaraan.

● Gunakan kain lembut, kering untuk mengelap sampah, habuk dan sebagainya dari bahagian hujung hadapan



Penyelenggaraan

⚠AWAS	● Apabila menyelenggara nosel, sentiasa tutup pembersih vakum dan tanggalkan palam dari soket alur keluar, kemudian keluarkan nosel tersebut. (Untuk mengelakkan kecederaan)

Permintaan Untuk bahagian yang boleh dibasuh sahaja

- Apabila dibasuh dengan air...
  - Keluarkan mana-mana air dan keringkan sepenuhnya (Untuk mengelakkan daripada mengakibatkan bauan yang kuat atau penyumbatan)
  - Tolong jangan gunakan alat pengering hembusan atau alat yang serupa untuk mengeringkannya (Untuk mengelakkan perubahan bentuk dan malfungsi)
  - Jika bahagian tidak kering diletakkan kembali ke unit utama, ini boleh mengakibatkan kerosakan

Jika kotor atau sedutan menjadi lemah

Lebih kurang sebulan sekali

- Tolong jangan gunakan bahan seperti bahan cuci, peluntur, pencair, atau alkohol (Untuk mengelakkan retakan dan perubahan warna)

Nosel lantai

■Keluarkan sampah dari kawasan ◌





(Bahagian Bawah)

- Potong dengan gunting untuk membuang sampah yang bergumpal
- Gunakan penyepit kecil untuk menarik keluar rambut yang bergumpal di roda



Berus sahaja

- Bersihkan berus dengan air

❶ Seperti yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah Ⓐ, tekan dan tahan gancu sisi sambil memusingkannya kepada keadaan kepada keadaan yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah Ⓑ ke arah anak panah dan kemudian keluarkan berus mengikut Gambar Rajah Ⓒ.



❷ Buang sisa serpihan dari ◌ atau cuci berus dengan air.



❸ Selaraskan slot dan masukkan berus sehingga berbunyi "klik".



- **Selepas mencuci, sila keringkan sepenuhnya sebelum meletakkan kembali seperti sedia ada**

Nosel pembuangan hama elektrik

❶ Seperti yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah Ⓐ, gunakan alat untuk memusingkan selak ke " 🔓 " dan kemudian pusingkan ke arah anak panah dalam Gambar Rajah Ⓑ dan kemudian ikuti Gambar Rajah Ⓒ untuk mengeluarkan berus pengguling.



❷ Buang sisa serpihan dari ◌ atau cuci berus pengguling dengan air.



❸ Selaraskan slot dan masukkan berus pengguling supaya selak dipusingkan ke " 🔒 ".





Berus pengguling sahaja

- **Selepas mencuci, sila keringkan sepenuhnya sebelum meletakkan kembali seperti sedia ada**

Penyelesaian Masalah

Periksa perkara berikut sebelum meminta pembaikan.

Apabila perkara ini terjadi		Pemeriksaan dan pengendalian
Mengecas	Penunjuk pengecasan tidak menyala semasa mengecas	● Adakah palam kuasa dipasang? ● Adakah bateri dicas sepenuhnya? ● Adakah unit utama diletakkan dengan betul di clean dock? (H. ML6)
	Penunjuk pengecasan tidak padam	● Jika penunjuk pengecasan tidak padam setelah mengecas selama lebih daripada 12 jam, mungkin pembersih vakum telah rosak atau jangka hayat bateri sudah luput. →Sila rujuk kepada penjual asal.
	Penunjuk pengecasan berkelip dengan pantas	● Cabut palam dan tunggu selama 10 minit sebelum memasangnya semula. Jika masih berkelip dengan pantas →Hubungi penjual asal anda.
	Masa operasi berjalan telah menurun selepas mengecas	● Adakah anda mengecas di tempat yang suhunya terlalu tinggi atau terlalu rendah? →Cas semula di dalam bilik yang mempunyai suhu sekitar 5 °C dan 35 °C ● Jika produk dicas dengan segera selepas ia digunakan dalam persekitaran suhu yang tinggi, pengecasan mungkin dihentikan sementara disebabkan oleh suhu bateri yang terlalu tinggi dan produk mungkin dalam keadaan siap sedia untuk proses penyejukan. →Bateri akan dicas secara automatik selepas ia sejuk. Sila mengecasnya sehingga lampu paras bateri padam ● Adakah bateri sudah sampai ke akhir jangka hayatnya? →Sila hubungi penjual asal untuk pembelian dan penggantian bateri
Operasi • Kuasa sedutan	Pembersih vakum tidak berfungsi	● Adakah bateri sudah habis digunakan? →Sila mengecasnya ● Sila mulakan sekali lagi.
	Lampu penderia habuk dan penunjuk pengecasan menyala pada masa yang sama	● Adakah fungsi perlindungan untuk mengelakkan motor atau bateri daripada pemanasan lampau telah dimulakan? →① Tutup pembersih vakum dan hentikan operasi ② Tunggu selama 5 hingga 30 minit (untuk motor atau bateri menyejuk dan lepaskan fungsi perlindungan) →③ Sila semak sebab untuk pengaktifan fungsi perlindungan dan kemudian kendalikan dengan sewajarnya (H. ML4)
	Berus nosel lantai tidak berputar	● Adakah berus berputar terlilit dengan serpihan, tali dan sebagainya? Adakah berus berputar tersekat? (H. ML14) ● Menyedut objek dengan rambut panjang atau jenis karpet yang berlainan, atau menekan nosel dengan kuat boleh mengakibatkan bahagian berputar berfungsi dengan perlahan atau tidak berputar. →Apabila berus tidak berputar, sila hentikan operasi dahulu dan kemudian hidupkan semula
	Kuasa sedutan menjadi lemah; terdapat bunyi "pelepasan angin" yang tidak normal atau hingar yang berlebihan semasa operasi	● Matikan pembersih vakum dan jalankan sekali lagi. ● Adakah nosel dan sebagainya tersekat? ● Adakah bekas habuk tersekat? →Buangkan sampah dan lakukan penyelenggaraan (H. ML11- ML14) ● Adakah bekas habuk dipasang dengan betul? (H. ML12)
Bau	Ekzos berbau sampah	● Adakah pembersih vakum tidak dibersihkan setelah menyedut sampah yang berbau? →Jika anda mengambil berat tentang baunya semasa operasi semula, tolong keluarkan sampah dan lakukan penyelenggaraan (H. ML11 ~ ML13) Jika masih berbau selepas penyelenggaraan, gantikan dengan beg habuk yang bersih.

Penyelesaian Masalah

Apabila perkara ini terjadi		Pemeriksaan dan pengendalian
Bunyi	Pada permulaan, badan unit/unit utama boleh memancarkan bunyi “bip” (pembersih vakum tidak boleh berfungsi pada masa ini)	● Sila jalankan lagi.
Clean dock	Clean dock tidak berfungsi selepas unit utama diletakkan kembali ke clean dock	● Adakah unit utama diletakkan dengan betul di clean dock? (H. ML6) ● Adakah ia diletakkan kembali ke clean dock dalam masa 8 saat selepas clean dock menyelesaikan pengutipan sampah? →Sila letakkan kembali ke clean dock selepas lebih daripada 8 saat ● Pastikan palam kuasa dipasang ke dalam soket. ● Adakah perlindungan pemanasan lampau motor di clean dock diaktifkan? (Sama ada tiga pengutipan sampah dilengkapkan dalam masa tiga minit) →Tunggu selama 5 minit untuk menyahaktifkan perlindungan pemanasan lampau
	Penunjuk clean dock berkelip dengan warna merah	● Adakah perlindungan pemanasan lampau motor di clean dock diaktifkan? (Sama ada tiga pengutipan sampah dilengkapkan dalam masa tiga minit) →Tunggu selama 5 minit untuk menyahaktifkan perlindungan pemanasan lampau
	Kuasa sedutan menjadi lemah atau hingar yang berlebihan semasa operasi	● Adakah beg habuk dipenuhi dengan sampah? →Sila gantikan beg habuk (H. ML8)
	Tiada sampah, tetapi penunjuk clean dock menyala dengan warna merah	● Pastikan beg habuk diletakkan di clean dock. (H. ML8) →Selepas memasukkan beg habuk yang bersih, letakkan kembali unit ke clean dock dan jalankan semula.
Jika masih ada masalah selepas pemeriksaan		● Jangan baiki sendiri dan sila bawa produk ini (unit utama, clean dock, nosel lantai dan sebagainya), bersama kad pendaftaran waranti produk ke kedai pembelian asal. ※ Sila rujuk kepada penjual asal.

Pelupusan produk

■ Bateri boleh dicas semula di dalam produk ini ialah produk guna habis. Apabila masa perkhidmatan menjadi semakin singkat walaupun selepas pengecasan yang betul dilakukan, bateri mungkin sudah sampai paras akhir jangka hayat perkhidmatannya. Jika anda perlu membeli atau mengganti bateri, sila rujuk kepada penjual asal.
■ Keluarkan bateri sebelum pelupusan dan bawanya ke tong kitar semula rasmi yang telah ditetapkan. Jangan timbunkannya bersama sisa domestik umum untuk mengelakkan pencemaran alam sekitar.

Permintaan

- Ilustrasi di bawah adalah untuk rujukan sahaja apabila melupuskan produk ini, bukan untuk dibaiki. Penceraian dan pembaikan produk yang tidak dibenarkan boleh mengakibatkan litar pintas pada bateri boleh dicas semula
- Selepas MEMATIKAN produk dan menanggalkan palam kuasa, ikut arahan di bawah untuk mengeluarkan bateri. (Jalankan pembersih vakum sehingga ia berhenti secara automatik sekiranya bateri boleh dicas semula masih mempunyai kuasa)

❶ Seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah, tekan dan tahan butang pelepas seperti yang ditunjukkan oleh anak panah dan buka ke luar untuk mengeluarkan bekas habuk.



❷ Gunakan alat untuk menanggalkan 7 skru.



❸ Gunakan alat untuk membuka celah di kedua-dua belah unit utama dengan tujuan membukanya.



❹ Alihkan kedudukan penangkap papan alas ke luar.



❺ Cabut semua terminal di sambungan papan alas untuk mengeluarkan pek bateri.



Spesifikasi

Spesifikasi

No. Model			MC-KC1W	
Unit utama	Kapasiti menyedut habuk		0.1 L	
	Hingar		80 dB(A)	
	Dimensi (Kedalaman×Kelebaran×Ketinggian)		Kira-kira 250 mm×76 mm×1165 mm (Termasuk pemegang, muncung lantai) 250 mm × 330 mm × 1090 mm (Termasuk pemegang, muncung lantai, Clean dock)	
	Berat		Kira-kira 1.6 kg (Termasuk pemegang, muncung lantai)	
	Kuasa input berkadar		230 W	
	Masa operasi yang berterusan※		Muncung 2-arah teleskopik	Muncung lantai/ Muncung pembuangan hama elektrik
		Tahan lama	kira-kira 25 minit	kira-kira 23 minit
		AUTO (AUTOMATIK)	kira-kira 10 minit - 25 minit	kira-kira 10 minit - 23 minit
		Kuat	kira-kira 6 minit	kira-kira 7 minit
			Waktu bekerja sebenar untuk kegunaan domestik mungkin berbeza bergantung pada keadaan di bawah dan sebagainya.	
Bateri boleh dicas semula	Bateri boleh dicas semula		Bateri litium-ion boleh dicas semula (4)	
	Voltan nominal/ Kapasiti berkadar		14.4 V ⎓ 2000 mAh	
	Tempoh mengecas semula		kira-kira 3 jam (Suhu ambien 20 °C, daripada penyusutan kepada keupayaan penuh)	
Clean dock	No. Model		AVA79V-2ZV	
	Voltan berkadar		240 V ~	
	Frekuensi berkadar		50 Hz	
	Input		800 W	
	Output		18 V ⎓ 0.6 A 12 W (Dalam pengecasan)	
	Kapasiti menyedut habuk		2.0 L	
	Hingar		80 dB(A)	
	Dimensi (Kedalaman×Kelebaran×Ketinggian)		Kira-kira 138 mm×295 mm×430 mm	
	Berat		Kira-kira 2.0 kg	
	Panjang kord kuasa		1 m	
Senarai produk			Pemegang (1) Unit utama (1) Nosel lantai (1) Clean dock (1)	Muncung 2-arah teleskopik (1) Nosel pembuangan hama elektrik (1) Beg habuk (1)

※ Pada suhu 20 °C/dicas sepenuhnya, kapasiti awal bateri

Panasonic

Operating Instructions

Rechargeable Vacuum Cleaner (Household use)

Model No. MC-KC1W



